

Hubung Kait antara Tingkah Laku Pemimpin Sekolah dan Efikasi Guru

Gu Saw Lan

Balasandran A. Ramiah, DBA

Sakdiah Hashim

IAB Cawangan Utara

Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji hubungan kait antara tingkah laku pemimpin sekolah dan efikasi guru. Kajian ini melibatkan 80 orang guru yang dikenal pasti dengan kaedah persampelan rawak berperingkat dari semua daerah di negeri Kedah. Kajian ini menggunakan dua instrumen piawai, iaitu Instrumen Tingkah Laku Instruksional Pemimpin, dan *Teacher Self Efficacy Scale (TSES)* yang diadaptasi. Instrumen Tingkah Laku Instruksional Pemimpin mempunyai enam faktor dengan 30 item manakala TSES mempunyai tiga faktor dengan 12 item. Nilai Cronbach alpha setiap faktor dan keseluruhan instrumen adalah lebih besar daripada .7. Analisis statistik melibatkan ujian korelasi dan ujian regresi langkah demi. Dapatan kajian mendapati tingkah laku pemimpin sekolah menggalakkan peningkatan profesionalisme guru mempunyai hubungan dengan efikasi guru. Antara tingkah laku - tingkah laku tersebut, tingkah laku yang mempunyai pengaruh signifikan terhadap efikasi guru adalah menggalakkan pelbagai kaedah PdP, menyokong usaha kolaboratif dan menjalankan kajian.

Kata kunci: Tingkah laku pemimpin sekolah, Efikasi guru, Sekolah menengah

1.1 Latar Belakang Kajian

Para pendidik dan pemimpin sekolah khususnya sering berhadapan dengan masalah bagaimana untuk meningkatkan pencapaian akademik murid yang merupakan nadi kewujudan dan keberkesanan sekolah. Kepentingan pencapaian akademik murid dapat dilihat apabila komponen ini dikenal pasti sebagai satu komponen yang penting dalam penentuan status sekolah berprestasi tinggi (Malaysia, 2010). Kajian-kajian empirikal yang telah dijalankan melaporkan pemimpin sekolah sebagai satu faktor penentu keberkesanan sekolah (Alig-Mielcarek, 2003; Hallinger, 2009). Namun demikian, penyelidik-penyelidik ini berpendapat bahawa pengaruh pemimpin terhadap pencapaian akademik pelajar adalah secara tidak langsung.

Dari itu, timbul minat untuk mengetahui bagaimana kepimpinan sekolah mempengaruhi pencapaian akademik murid. Kajian mengenai kesan sekolah terhadap pembelajaran yang dijalankan pada tahun-tahun 60-an mendapati faktor sekolah tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid (contoh: Coleman, Campbell, Hobson, McPartland, Mood, Weinfeld & York, 1966). Namun kajian keberkesanan sekolah pada tahun 70-an dan tahun-tahun kemudian melaporkan sebaliknya (Edmonds, 1979; Fullan, 2002; Opdenakker & Damme, 2007). Misalnya, Edmonds (1979) menyatakan kepimpinan yang kuat dan iklim sekolah adalah faktor penentu kejayaan pembelajaran murid. Kajian yang dijalankan dalam beberapa tahun kebelakangan ini juga memperoleh dapatan yang sama, iaitu kepimpinan sekolah mempunyai hubungan yang kuat dengan pencapaian murid (contoh: Opdenakker & Damme, 2007). Dengan kata lain, pemimpin sekolah boleh melakukan sesuatu usaha yang membawa kepada kejayaan pembelajaran muridnya.

Kajian lampau mengaitkan efikasi guru dengan kejayaan murid. Efikasi guru didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid (Berman, McLaughlin, Bass, Pauly & Zellman, 1977; Gibson & Dembo, 1986; Ryan, 2007). Penyelidik-penyelidik ini berpendapat efikasi guru adalah peramal yang baik untuk peningkatan pencapaian akademik murid. Lantaran itu, kajian ini berhasrat untuk melihat bagaimanakah corak hubungan antara dua faktor sekolah

yang penting tersebut iaitu tingkah laku kepimpinan pengajaran dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah di negeri Kedah.

2.0 Pernyataan Masalah Kajian

Banyak kajian empirikal telah dilakukan untuk mengkaji hubungan antara tingkah laku pemimpin sekolah dan efikasi guru di banyak tempat di seluruh dunia. Tingkah laku pemimpin yang dikaji termasuklah tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru (Blasé & Blasé, 2000; Hallinger, 2009). Secara keseluruhannya, dapatan kajian lampau ini tidak konsisten dari segi dapatannya. Walaupun banyak kajian yang merumuskan kepimpinan sekolah mempunyai hubungan kait dengan efikasi guru (Hipp, 1996; Ryan, 2007; Scurry, 2010), namun ada yang mendapati sebaliknya (Fancera, 2009).

Selain itu, Organization for Economic Co-operation and Development (2009) melaporkan tahap kepimpinan sekolah dan efikasi guru yang agak membimbangkan. Tahap efikasi guru-guru di Malaysia didapati berada pada tahap kurang memuaskan berbanding dengan rakan sejawat mereka di negara lain. Pemimpin sekolah didapati lebih mementingkan tugas pentadbiran daripada mengurus pembelajaran murid. Dapatan ini membimbangkan kerana kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai kesan terhadap pencapaian murid. Kepimpinan yang mengurus pembelajaran murid adalah faktor yang menyumbang kepada pencapaian murid (Edmonds, 1979; Opdenakker & Damme, 2007). Di samping itu, efikasi guru didapati mempunyai hubungan kait dengan pembelajaran murid (Berman, McLaughlin, Bass, Pauly & Zellman, 1977; Leithwood, Harris & Hopkin, 2008; Tschannen-Morann, Hoy & Hoy, 1998).

Bagi sekolah-sekolah di negeri Kedah pula, keupayaan sekolah mengoptimumkan kedua-dua pemboleh ubah ini adalah faktor yang boleh menentukan kejayaan “Kedah Top Five Aspiration”. Kejayaan ini juga akan menjurus kepada pencapaian aspirasi untuk meletakkan sistem pendidikan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas

dalam pentaksiran antarabangsa seperti yang ternyata dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

3.0 Objektif Kajian

Matlamat kajian ini ialah untuk meninjau sama ada tingkah laku pemimpin mempunyai hubungan dengan efikasi guru. Secara khususnya, kajian ini ingin:

1. Menenal pasti tingkah laku pemimpin sekolah menggalakkan perkembangan profesionalisme yang mempunyai hubung kait dengan efikasi guru.
2. Menenal pasti tingkah laku pemimpin sekolah menggalakkan perkembangan profesionalisme yang mempunyai pengaruh paling besar terhadap efikasi guru


4.0 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang tersebut di atas, soalan-soalan kajian untuk kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku pemimpin menjalankan kajian dengan efikasi guru?
2. Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku pemimpin menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP dengan efikasi guru?
3. Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku pemimpin menyokong kolaboratif dengan efikasi guru?
4. Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku pemimpin menyediakan peluang perkembangan staf dengan efikasi guru?
5. Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku pemimpin memupuk budaya bimbingan dalam kalangan guru dengan efikasi guru?

6. Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku pemimpin menggalakkan kerja berpasukan dengan efikasi guru?
7. Antara tingkah laku pemimpin sekolah menggalakkan perkembangan profesionalisme, tingkah laku yang manakah mempunyai pengaruh terhadap efikasi guru?

5.0 Kerangka Kajian



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

6.0 Hipotesis Kajian

Kajian ini menguji tujuh hipotesis berikut bagi menjawab soalan kajian di Bahagian 4.0:

H_{A1}: Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menjalankan kajian dengan efikasi guru

H_{A2}: Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP dengan efikasi guru

H_{A3}: Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menyokong kolaboratif dengan efikasi guru.

H_{A4}: Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menyediakan peluang perkembangan staf pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi guru.

H_{A5}: Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin memupuk budaya bimbingan dalam kalangan guru dengan efikasi guru.

H_{A6}: Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menggalakkan kerja berpasukan dengan efikasi guru.

H_{A7}: Kesemua tingkah laku pemimpin sekolah menggalakkan peningkatan profesionalisme mempunyai pengaruh terhadap efikasi guru

7.0 Tinjauan Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah mengkaji hubungan kait antara kepimpinan dan efikasi guru. Kepentingan pemimpin sekolah dalam pembelajaran murid diketengahkan oleh Fullan (2002) yang menyatakan bahawa walaupun pencapaian murid dipengaruhi oleh kerja buat guru namun kejayaan proses tersebut bergantung kepada pemimpin sekolah yang sanggup memberi panduan dan sokongan kepada guru. Kajian yang telah dijalankan di pelbagai lokasi di seluruh dunia menyarankan kepemimpinan sekolah ada hubungan kait dengan efikasi guru (Hipp, 1997; Nir & Kranot, 2006; Ryan, 2007; Tabbodi & Prahallada, 2009; Zaidatol Akmaliah et al., 2008).

Hipp (1996) mengkaji hubungan kait antara tingkah laku pemimpin dan efikasi guru dan telah mencadangkan hubungan kait secara langsung antara tingkah laku pemimpin dan efikasi guru. Kajian tersebut melibatkan pengetua dan guru di sekolah-sekolah menengah di Wisconsin, Amerika Syarikat. Unit analisis adalah individu guru. Dua soal selidik yang digunakan dalam kajian tersebut adalah: 1) The Nature of

Leadership Survey, and 2) the adapted version of Gibson and Dembo's Teacher Efficacy Scale. Kajian tersebut mendapati beberapa tingkah laku pemimpin mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi guru. Tingkah laku - tingkah laku tersebut adalah 1) tingkah laku contoh (modeling behavior), 2) memberi rangsangan tujuan kumpulan (inspiring group purpose), 3) memberi ganjaran mengikut keadaan; 4) mengiktirafkan pencapaian dan kerja guru, 5) menurunkan kuasa kepada guru termasuk melibatkan mereka dalam membuat keputusan, 6) mengurus disiplin murid, 7) membina iklim yang merangsang kejayaan, 8) menggalakkan kerja berpasukan dan kolaboratif, 9) merangsang inovasi dan penambahbaikan berterusan, 10) mempercayai guru dan murid, dan 11) menggalakkan hubungan yang saling menghormati dan penyayang.

Namun kajian sama yang dijalankan di sekolah-sekolah rendah di Israel memperoleh dapatan yang berlainan (Nir & Kranot, 2006). Kajian di Israel yang melibatkan 755 guru dari 79 sekolah dan menggunakan dua jenis soal selidik: 1) the Multifactor Leadership Questionnaire, and 2) Gibson and Dembo's Scale mendapati pengaruh tingkah laku pemimpin terhadap efikasi guru adalah secara tidak langsung. Kepuasan kerja guru merupakan penengah yang signifikan dalam hubungan tersebut. Kajian tersebut juga mendapati tingkah laku pemimpin, iaitu stimulasi intelektual, motivasi inspirasional, dan pengaruh ideal mempunyai hubungan kait dengan efikasi guru.

Zaidatul Akmaliah et al. (2008) mengkaji hubungan kait antara tingkah laku pemimpin dan efikasi guru di Sarawak, Malaysia. Kajian tersebut melibatkan 376 guru dari 18 sekolah menengah. Soal selidik yang digunakan adalah 1) Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ) yang mengukur tingkah laku pemimpin, dan 2) Teacher Self Efficacy Scale (TSES) yang mengukur efikasi guru. Kajian tersebut merumuskan guru-guru di negeri Sarawak menunjukkan tahap efikasi sendiri yang tinggi dan mereka berpendapat pengetua mereka mengamalkan tingkah laku pemimpin pada tahap tinggi. Dapatan kajian tersebut adalah konsisten dengan dapatan kajian Ryan (2007) yang menyatakan terdapat korelasi positif antara persepsi guru terhadap tingkah laku pemimpin dan efikasi guru. Guru yang mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap tingkah laku pemimpin menunjukkan tahap efikasi yang lebih tinggi.

Tabbodi dan Prahallada (2009) menjalankan kajian komparatif yang melibatkan pensyarah dari dua buah universiti, iaitu dari India dan Iran. Seramai 174 orang pensyarah yang terlibat di mana 93 dari India manakala 81 dari Iran. Soal selidik yang digunakan adalah 1) the Leadership Behavior Questionnaire, dan 2) Faculty Efficacy Questionnaire. Kajian tersebut merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku pemimpin dan efikasi guru. Di India, 6% variasi efikasi guru diterangkan oleh stail kepimpinan manakala di Iran stail kepimpinan menerangkan 8% variasi efikasi guru. Sama seperti dapatan kajian Nir dan Kranot (2006), kajian ini juga merumuskan kepuasan kerja sebagai penengah bagi hubungan antara tingkah laku pemimpin dan efikasi guru.

Secara keseluruhan, kajian empirikal mendapati terdapat hubungan kait antara tingkah laku dan efikasi guru. Walau pun, kajian-kajian tersebut tidak menggunakan soal selidik yang sama, namun kesemua dapatan kajian memperoleh rumusan yang sama, iaitu terdapat hubungan kait yang signifikan antara tingkah laku pemimpin dan efikasi guru. Pun begitu, beberapa kajian yang melaporkan hubungan langsung antara dua pemboleh ubah tersebut manakala yang lain mendapati terdapat penengah dalam hubungan antara tingkah laku pemimpin dan efikasi guru.

8.0 Metodologi Kajian

Bahagian ini menghuraikan keada kajian yang digunakan, pensampelan, instrumen yang diguna untuk mengumpul data, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang cuba meninjau hubungan antara dua pemboleh ubah. Soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru dan efikasi guru. Mengikut Sekaran (2000), keada kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sesuai digunakan kerana kaedah tersebut menjimatkan masa dan kos. Dalam hal ini, pemboleh ubah bebas adalah tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru manakala pemboleh ubah bersandar adalah efikasi guru.

8.1 Persampelan

Populasi kajian ini adalah guru-guru di sekolah menengah harian di sekolah harian negeri Kedah. Bilangan guru di sekolah menengah harian di negeri Kedah mengikut daerah adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Keadah pemilihan sampel adalah secara persampelan rawak berstrata. Kajian ini melibatkan 80 orang guru. Sebuah sekolah dikenalpasti dari setiap daerah dan seramai 10 orang guru dipilih sebagai responden dari setiap sekolah yang dikenalpasti (Halpin, 1957).

Jadual 1: Bilangan responden mengikut daerah

PPD	Bilangan guru
PPD BALING/SIK	10
PPD KOTA SETAR	10
PPD KUALA MUDA/YAN	10
PPD KUBANG PASU	10
PPD KULIM/BANDAR BARU	10
PPD LANGKAWI	10
PPD PADANG TERAP	10
PPD PENDANG	10
Jumlah	80

8.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua set instrumen iaitu Tingkah Laku Pemimpin (Gu, 2013) untuk mengukur tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru dan Skala Efikasi Kendiri Guru (Tschannen-Moran & Hoy, 2001) yang mengukur efikasi guru (Lampiran 1). Soal selidik kajian terdiri daripada tiga bahagian yang berlainan. Taburan item soal selidik adalah seperti dalam Jadual 2. Sementara itu, perincian mengenai item dalam setiap faktor adalah seperti dalam lampiran 2.

Jadual 2: Taburan Item Soal Selidik Kajian

Bahagian	Konstruk	Faktor	Bil Item	Jumlah
I	Demografi			5
	• Pengalaman mengajar		1	
	• Tugas mengajar		2	
	• Jantina		1	
	• Kelulusan		1	
II	Tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru (TLP)	Menjalankan kajian	5	30
		Menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP	9	
		Menyokong kolaboratif	6	
		Menyediakan peluang perkembangan staf	3	
		Memupuk budaya bimbingan dalam kalangan guru	4	
		Menggalakkan kerja pasukan	3	
III	Efikasi guru (EG)	Pengurusan bilik darjah	4	12
		Strategi instruksional	5	
		Penglibatan pelajar	3	

Skala Likert lima mata digunakan untuk memperoleh respon mengenai item-item dalam soal selidik. Item-item soal selidik Tingkah Laku Pemimpin menerangkan pelaksanaan tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru. Responden dikehendaki memilih tahap pelaksanaan sesuatu tingkah laku dengan menggunakan skala 1- 5 di mana 1 mewakili “hampir tidak pernah” manakala 5 mewakili “Hampir selalu” untuk kesemua 30 item tersebut. Kesemua 12 item dalam soal selidik efikasi guru pula menerangkan hal-hal yang menimbulkan masalah kepada guru. Responden dikehendaki membulatkan tahap keyakinan diri untuk melaksanakan tingkah laku-tingkah laku tersebut. Sehubungan itu, skala 1 mewakili “tidak berkeyakinan” manakala 5 mewakili “berkeyakinan tinggi”.

8.3 Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpul pada bulan April 2012. Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada guru-guru yang terpilih sebagai sampel kajian. Mereka diberi penerangan ringkas tentang tujuan dan isi kandungan soal selidik tersebut. Penyelidik meninggalkan soal

selidik untuk dijawab dan balik ke sekolah pada hari berikutnya untuk mengambil balik soal selidik yang lengkap.

8.4 Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan Perisian Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS) versi 17. Statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratus digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri demografi reponden manakala statistik inferensi, ujian korelasi digunakan untuk menguji hipotesis kajian (Jadual 3). Tahap signifikan semua analisis ditetapkan pada $p < .05$.

Jadual 3: Jadual Analisis Statistik

Soalan Kajian	Hipotesis kajian	Ujian Statistik
1	Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menjalankan kajian dengan efikasi guru	Ujian korelasi
2	Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP dengan efikasi guru	Ujian korelasi
3	Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menyokong kolaboratif dengan efikasi guru	Ujian korelasi
4	Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menyediakan peluang perkembangan staf pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi guru	Ujian korelasi
5	Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin memupuk budaya bimbingan dalam kalangan guru dengan efikasi guru	Ujian korelasi
6	Terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku pemimpin menggalakkan kerja pasukan dengan efikasi guru	Ujian korelasi
7	Kesemua tingkah laku pemimpin sekolah menggalakkan peningkatan profesionalisme mempunyai pengaruh terhadap efikasi guru	Ujian regresi langkah demi langkah

8.5 Kebolehpercayaan Instrumen

Analisis statistik dilakukan untuk menentukan nilai kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Nilai Cronbach alpha menunjukkan kebolehpercayaan alat ukur adalah memuaskan kerana kesemua faktor mempunyai nilai Cronbach alpha melebihi 0.7 (Sekaran, 2003). Dari itu, soal selidik ini adalah sesuai untuk pengumpulan data. Jadual 4 memaparkan nilai Cronbach alpha untuk soal selidik kajian ini.

Jadual 4: Ketekalan Dalaman (Internal Consistency) Konstruk Kajian

Konstruk	Faktor	Bil item	α
Tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru (TLP)	Tingkah laku pemimpin menjalankan kajian	5	.94
	Tingkah laku pemimpin menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP	9	.93
	Tingkah laku pemimpin menyokong kolaboratif	6	.92
	Tingkah laku pemimpin menyediakan peluang perkembangan staf	3	.85
	Tingkah laku pemimpin memupuk budaya bimbingan dalam kalangan guru	4	.89
	Tingkah laku pemimpin menggalakkan kerja pasukan	3	.85
	Keseluruhan TLP	30	.97
Efikasi guru (EG)	Pengurusan bilik darjah	4	.89
	Strategi instruksional	5	.89
	Penglibatan pelajar	3	.91
Keseluruhan EG		11	.94

9.0 Dapatan kajian

Sejumlah 80 soal selidik diedarkan kepada guru-guru lapan buah sekolah menengah di negeri Kedah. Kaedah pemilihan sekolah dan guru adalah secara rawak. Kajian ini telah mendapat respons yang baik di mana kesemua soal selidik telah dikembalikan. Daripada 80 soal selidik ini, hanya 74 soal selidik yang lengkap dianalisis. Proses saringan telah mengeluarkan 6 soal selidik yang mempunyai lebih daripada 10% item tidak dijawab.

Analisis data telah dijalankan untuk meninjau corak responden dari segi jantina. Didapati bilangan responden terdiri daripada lebih ramai guru wanita. Daripada 74, 62 responden, (83.8%) adalah guru wanita manakala guru lelaki adalah seramai 12 orang (16.2%) (Jadual 5).

Jadual 5: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	12	16.2
Perempuan	62	83.8
Jumlah	74	100.0

Dari segi pengalaman mengajar, didapati kumpulan yang paling ramai adalah guru yang telah mengajar antara 10 – 19 tahun (30 orang). Sejumlah 26 orang (35.1%) guru mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 20 tahun manakala 17 orang (23.0%) mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun.

Jadual 6: Taburan responden mengikut tempoh tahun mengajar

Tahun mengajar	Bilangan	Peratus
≤ 9 tahun	17	23.0
10-19 tahun	30	40.5
≥ 20 tahun	26	35.1
Tiada maklumat	1	1.4
Jumlah	74	100.0

Pemboleh ubah bebas kajian ini adalah enam tingkah laku pemimpin menggalakan perkembangan profesionalisme guru manakala pemboleh ubah bersandar adalah efikasi guru. Taburan min, dan sisihan piawai data adalah seperti yang ditunjuk dalam Jadual 7.

Jadual 7: Skor min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar

Pembolehubah	N	Minima	Maksima	Min	Sisihan piawai
menjalankan kajian	74	1.00	5.00	3.67	.67
menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP	74	2.55	5.00	3.89	.65
menyokong usaha kolaboratif	74	2.00	5.00	3.69	.64
menyediakan peluang perkembangan staf	74	1.00	5.00	3.48	.82
menyokong kerja pasukan	74	1.00	5.00	3.14	.96
menggalakkan bimbingan	74	1.00	5.00	3.04	.91
efikasi guru	74	1.58	5.00	3.62	.70

Analisis statistik menunjukkan terdapat empat tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru yang mempunyai hubungan secara signifikan dengan efikasi guru (Jadual 8). Empat tingkah laku pemimpin tersebut mempunyai korelasi pada tahap lemah hingga sederhana kuat dengan efikasi guru (Cohen, 1988). Tingkah laku pemimpin menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP menunjukkan korelasi paling kuat ($r = .40$, $p < .05$), diikuti oleh tingkah laku pemimpin menjalankan kajian ($r = .38$, $p < .05$). Sementara itu, tingkah laku pemimpin menyokong usaha kolaboratif pula menunjukkan korelasi yang ketiga tertinggi ($r = .35$, $p < .05$) dan tingkah laku pemimpin menyediakan peluang perkembangan staf menunjukkan korelasi yang lemah dengan efikasi guru ($r = .29$, $p < .05$). Dua tingkah laku pemimpin yang lain: menyokong kerja pasukan dan menggalakkan bimbingan gagal menunjukkan hubungan yang signifikan ($p > .05$).

Jadual 8: Korelasi antara tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru dengan efikasi guru

Tingkah laku pemimpin	Efikasi guru
menjalankan kajian	.38*
menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP	.40*
menyokong usaha kolaboratif	.35*
menyediakan peluang perkembangan staf	.29*
menyokong kerja pasukan	.18
menggalakkan bimbingan	.08

* $p < .05$, $p > .05$

Analisis regresi langkah demi langkah pula mendapati tiga daripada tingkah laku pemimpin menggalakkan peningkatan profesionalisme guru mempunyai pengaruh terhadap efikasi guru (Jadual 9). Tingkah laku pemimpin menggalakkan pelbagai PdP mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap efikasi guru ($\beta = .25$, $p < .05$). Selain itu, tingkah laku pemimpin menyokong usaha kolaboratif merupakan pengaruh efikasi guru yang kedua terbesar ($\beta = .22$, $p < .05$). Manakala tingkah laku pemimpin menjalankan kajian didapati merupakan pengaruh efikasi guru yang ketiga terbesar ($\beta = .21$; $p < .05$).

Jadual 9: Analisis Regresi Langkah Demi Langkah: Faktor Tingkah Laku Pemimpin Menggalakkan Perkembangan Profesionalisme Guru Sebagai Peramal Efikasi Guru

Tingkah Laku Pemimpin Menggalakkan Perkembangan Profesionalisme Guru	B	β	t	p	R ²
Konstan	22.07		13.07	.00	
Menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP	.28	.25	3.20	.00	10%
Menjalankan kajian	.53	.21	3.32	.00	4%
Menyokong usaha kolaboratif	.27	.22	3.31	.00	2%
Menyediakan peluang perkembangan staf	.20	.15	1.54	.11	
Menyokong kerja pasukan		.08	1.14	.26	
Menggalakkan bimbingan		.06	-.80	.42	

Multiple R = .40
 Multiple R² = .17
 Adjusted R² = .16
 Standard Error = 4.55
 F = 22.68
 Significant = .00

10. Perbincangan

Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru mempunyai hubungan dengan efikasi guru. Tingkah laku-tingkah laku kepimpinan pengajaran seperti menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP, menjalankan kajian, menyokong usaha kolaboratif dan menyediakan peluang perkembangan staf memupuk efikasi guru. Antara empat tingkah laku ini, tiga daripadanya didapati menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap efikasi guru, iaitu menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP, menjalankan kajian, dan menyokong usaha kolaboratif.

Hubung kait antara pemimpin menggalakkan usaha untuk menggunakan pelbagai kaedah dalam pembelajaran dan pengajaran dengan efikasi guru adalah disebabkan oleh guru berpendapat mereka diberi kebebasan untuk memilih dan melaksanakan

cara pengajaran yang sesuai. Guru yang diberi kebebasan untuk menentukan cara pengajaran yang paling sesuai di dalam bilik darjah lebih berjaya dalam peningkatan pembelajaran murid mereka (Hoy & Miskel, 2005). Tingkah laku pemimpin sedemikian memberi keyakinan kepada guru yang mereka dapat menjalankan tugas dengan baik tanpa dikawal dengan ketat oleh pihak atasan, Dengan kata lain, guru diberi peluang untuk mengajar dalam suasana tidak tertekan. Jika guru berasa seronok dan tidak dipengaruhi oleh emosi negatif, tahap efikasi mereka juga akan meningkat (Bandura, 1986). Contoh tingkah laku pemimpin adalah “Pengetua menyokong dan menggalakkan penggunaan pelbagai pendekatan PdP” (Lampiran 1). Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian lampau (Alig-Mielcarek, 2003; Blasé & Blasé, 2000; Edmonds, 1979).

Tingkah laku pemimpin menggalakkan usaha kolaboratif boleh dikaitkan dengan inisiatif membentuk komuniti pembelajaran profesional di sekolah (Blasé & Blasé, 2000; Gupton, 2003). Kewujudan komuniti pembelajaran profesional membolehkan guru berjumpa dan bertukar fikiran tentang pengajaran dan pembelajaran. Perjumpaan antara guru bukan sahaja dalam kalangan guru dari sekolah yang sama malah perjumpaan antara guru dari sekolah yang berlainan juga digalakkan. Tingkah laku pemimpin termasuklah “Pengetua menyokong kerjasama dalam kalangan pendidik dengan memperuntukan masa untuk aktiviti-aktiviti kerjasama” (Lampiran 1). Peluang untuk guru berjumpa menyediakan ruang untuk memujuk dan mempengaruhi antara satu sama lain tentang keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas dengan berjaya (Bandura, 1986; Hoy & Miskel, 2005). Pujukan lisan dan pengaruh rakan sebaya merupakan suatu sumber efikasi yang membina efikasi guru (Bandura, 1986; Hipp, 1996; Tschennan-Moran & Hoy, 1998).

Hubung kait yang signifikan antara tingkah laku pemimpin menjalankan kajian dan efikasi guru boleh dikaitkan dengan kajian yang mencadangkan pemimpin sekolah hendaklah membuat kajian bagi mendapat maklumat mengenai keperluan program latihan dalam perkhidmatan di sekolah (Gupton, 2003). Kajian yang dibuat menyediakan data yang sistematik dan terkini memastikan yang latihan yang diikuti oleh guru adalah mengikut keperluan mereka. Latihan yang memenuhi keperluan

guru membantu dalam pemupukan efikasi guru (Blasé & Blasé, 2000; Ryan, 2007; Scurry, 2010).

Tingkah laku pemimpin sekolah menyediakan peluang perkembangan staf juga menunjukkan korelasi yang signifikan dengan efikasi guru. Dapatan ini menyokong kepentingan menghadiri kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru di sekolah. Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan, semua guru dikehendaki menghadiri sekurang-kurangnya tujuh hari kursus setiap tahun (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Dengan menghadiri kursus yang berkaitan, guru dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran PdP mereka. Pemimpin sekolah boleh menyediakan peluang perkembangan staf dengan menghantar guru berkursus di luar sekolah atau mendapat penceramah dari luar untuk melaksanakan kursus di sekolah mereka. Walau apa pun kaedah yang dilaksanakan, pemimpin hendaklah memastikan yang kursus-kursus tersebut dapat menyokong matlamat pengajaran dan memenuhi keperluan guru.

Kajian ini juga mencadangkan pemimpin sekolah meningkatkan amalan tingkah laku pemimpin menggalakkan pelbagai PdP, menyokong usaha kolaboratif dan menjalankan kajian. Analisis statistik mencadangkan tingkah laku pemimpin menggalakkan pelbagai PdP, mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap efikasi guru ($\beta = .25, p < .05$). β bersamaan .25 bermaksud setiap unit peningkatan dalam tingkah laku pemimpin menggalakkan pelbagai PdP menyebabkan peningkatan sebanyak .25 unit dalam efikasi guru. Manakala tingkah laku pemimpin menyokong usaha kolaboratif merupakan pengaruh efikasi guru yang kedua terbesar ($\beta = .22, p < .05$). Nilai β ini menunjukkan setiap unit peningkatan dalam tingkah laku pemimpin menyokong usaha kolaboratif menyebabkan peningkatan sebanyak .22 unit dalam efikasi guru. Tingkah laku pemimpin menjalankan kajian juga didapati mempunyai pengaruh terhadap efikasi guru ($\beta = .21; p < .05$). Nilai $\beta = .21$ bermaksud setiap unit peningkatan dalam tingkah laku pemimpin menjalankan kajian menyebabkan peningkatan sebanyak .21 unit dalam efikasi guru.

10. Kesimpulan

Kajian ini mendapati wujud hubung kait antara tingkah laku pemimpin dengan efikasi guru. Tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalisme guru seperti menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP, menjalankan kajian, menyokong usaha kolaboratif dan menyediakan peluang perkembangan staf mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi guru secara positif. Di samping itu, tingkah laku pemimpin menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP, menjalankan kajian, dan menyokong usaha kolaboratif didapati mempunyai pengaruh terhadap efikasi guru. Lantaran itu, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa pemimpin sekolah perlu mengamalkan tingkah laku-tingkah laku yang disebut sebelum ini dalam usaha peningkatan profesionalisme guru di sekolah masing-masing. Tingkah laku pemimpin sekolah yang meningkatkan efikasi guru akan membawa kepada peningkatan pencapaian akademik murid. Ini kerana guru adalah faktor penting yang menentukan pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Guru yang mempunyai efikasi diri yang tinggi akan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid.

11 Rujukan

- Alig-Mielcarek, J.M. (2003). *A model of school success: Instructional leadership, academic press and student achievement*. Unpublished doctoral dissertation. The Ohio State University, the USA
- Bandura, A. (1986). *Social foundation of thoughts and actions*. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Berman, P., McLaughlin, M.B., Bass, G., Pauly, E. & Zellman, G. (1977). Factors affecting implementation and continuation. *Federal programs supporting educational change, Vol.VII*. Santa Monica, CA: The Rand Corporation.
- Blasé, J & Blasé, J. (2000). Effective leadership: Teachers' perspectives on how principals promote teaching and learning in schools. *Journal of Educational Administration*, 38(2), 130-141
- Coleman, J. S., Campbell, E. Q., Hobson, C.J., McPartland, J., Mood, A. M., Weinfeld, F. D. & York, R. L. (1966). *Equality of Educational Opportunity*. Washigton, DC: U.S. Government Printing Office.
- Edmunds, R. (1979). Effective school for the urban poor. *Educational Leadership*. 15-24.
- Fancera, S.F. (2009). *Instructional leadership influence on collective efficacy and school achievement*. (Doctoral dissertation). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3313674)
- Fullan, M. (2002). The change leader. *Educational Leadership*. 16-20
- Gibson, S & Dembo, M.H. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational Psychology*, 76(4), 569-582.
- Gu, S. L. (2013). *The relationship between instructional leadership behavior, school climate and teacher efficacy in secondary schools in Kedah*. Unpublished doctoral thesis. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia.
- Hallinger, P. (2009). *Leadership for 21st century schools: From instructional leadership to leadership for learning*. Paper presented at 1st Regional Conference on Educational Leadership and Management, Malaysia.
- Halpin, W.H. (1957). *Manual for the leader behavior description questionnaire*. Ohio: The Ohio State University
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. (2005). *Multivariate data analysis 5th edition*. India: Pearson Education.

- Hipp, K.A. (1996). Teacher efficacy: Influence of principal leadership behavior. Paper presented at the Annual meeting of the American educational Research Association, New York.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Basic School Information June 2011*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*
- Malaysia. (2010). *1Malaysia Government Transformation Programme: The roadmap*.
- Nir, A.E. & Kranot, N. (2006). School principal's leadership style and teachers' self-efficacy. *Planning and Changing*, 37 (3&4), 205-218.
- Organization for Economic Co-operation and Development. (2009). *Creating effective teaching and learning environments: First results from TALIS*
- Opdenakker, M.-C., & Damme, J.V. (2007). Do school context, student composition and school leadership affect school practice and outcomes in secondary education? *British Educational Research Journal*, 33(2), 179-206
- Purkey, S.C. & Smith, M.S. (1983). Effective schools: A review. *The Elementary School Journal*, 83(4), 427-462.
- Ryan, H.D. (2007). *An examination of the relationship between teacher efficacy and teachers' perceptions of their principals' leadership behaviors*. Unpublished doctoral dissertation. University of Texas, the USA.
- Scurry, S.N. (2010). *Perceptions of instructional coaches in the elementary school setting and their impact on teacher self efficacy*. Unpublished doctoral dissertation. The University of Houston Clear Lake, the USA.
- Sekaran, U. (2000). *Research methods for business: A skill-building approach (3rd edition)*. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Tabbodi, M.L., & Prahallada, N.N. (2009). The effects of leadership behavior on efficacy: A comparative study of faculty of two universities from Iran and India. *Journal of Social Sciences*, 20(3), 169-193
- Yukl, G. (1998). *Leadership in organization, 4th edition*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Teng, L.K., Foo, S.F., Zakaria Kasa & Jegak Uli (2008). *Hubungan kepimpinan transformasi pengetua dengan efikasi sendiri*

guru. Retrieved on August 6, 2010 from
<http://www.fp.utm.my/medc/journals/vol2/3>

SOAL SELIDIK

Guru-guru yang dihormati:

Sila beri maklumat yang diminta untuk setiap bahagian berikut. Segala maklumat yang diberi adalah **SULIT** dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama anda dalam menjawab soal selidik ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terimakasih.

Gu Saw Lan
Balasandran Ramiah
Sakdiah Hashim

Bahagian I:

Sila beri maklumat berikut mengenai diri anda:

1. Bilangan tahun berkhidmat sebagai guru: tahun
2. Adakah anda mengajar mata pelajaran opsyen anda?
 1. Ya ☐
 2. Tidak ☐
3. Adakah anda perlu mengajar mata pelajaran yang anda tiada kepakaran dalamnya?
 1. Ya ☐
 2. Tidak ☐
4. Jantina:
 1. Lelaki ☐
 2. Perempuan ☐
5. Kelulusan akademik tertinggi:
 1. PhD ☐
 2. Sarjana ☐
 3. Sarjanamuda ☐
 4. Diploma ☐
 5. Sijil ☐

Bahagian II:

Pernyataan tingkah laku berikut menerangkan amalan dan tingkah laku seorang pengetua sekolah. Bulatkan nombor yang menerangkan amalan/tingkah laku pengetua di sekolah anda.

Untuk setiap pernyataan,

5 menggambarkan 'Hampir Selalu'

4 menggambarkan 'Sering'

3 menggambarkan 'Kadang Kala'

2 menggambarkan 'Jarang'

1 menggambarkan 'Hampir Tidak Pernah'

		Hampir Tidak Pernah					Hampir Selalu				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
PENGETUA MENYEDIAKAN PELUANG PERKEMBANGAN STAF YANG...											
1	membolehkan guru mempelajari strategi pengajaran baru	1	2	3	4	5					
2	menyokong matlamat pengajaran	1	2	3	4	5					
3	berdasarkan keperluan guru	1	2	3	4	5					
PENGETUA MENYOKONG KERJASAMA DALAM KALANGAN PENDIDIK ...											
4	dengan menggalakkan guru berjumpa secara kerap untuk membincangkan program pengajaran	1	2	3	4	5					
5	dengan memperuntukan masa untuk aktiviti-aktiviti kerjasama	1	2	3	4	5					
6	dengan menggalakkan perkongsian pengetahuan di sekolah	1	2	3	4	5					
7	dengan menggalakkan perkongsian kemahiran mengajar di sekolah	1	2	3	4	5					
8	dengan menggalakkan pembelajaran sesama rakan sekerja di dalam sekolah	1	2	3	4	5					
9	dengan menggalakkan aktiviti-aktiviti kerjasama di luar sekolah	1	2	3	4	5					
10	dengan membentuk kumpulan pembelajaran untuk guru yang berminat	1	2	3	4	5					
PENGETUA MEMUPUK BUDAYA BIMBINGAN DALAM KALANGAN GURU DENGAN...											

11	menjadualkan guru untuk memerhati pengajaran rakan sekerja di dalam bilik darjah	1	2	3	4	5
12	menggalakkan guru melawat bilik darjah guru cemerlang/guru yang boleh dijadikan contoh dalam P&P	1	2	3	4	5
13	meminta guru cemerlang/guru yang boleh dijadikan contoh dalam P&P bertindak sebagai teladan kepada guru lain	1	2	3	4	5
14	menggalakkan guru membuat pembentangan tentang strategi pengajaran berkesan di peringkat sekolah	1	2	3	4	5
15	menggalakkan guru membuat pembentangan tentang strategi pengajaran berkesan di peringkat daerah	1	2	3	4	5
16	menggalakkan guru membuat pembentangan tentang strategi pengajaran berkesan di persidangan profesional	1	2	3	4	5
PENGETUA MENGGALAKKAN & MENYOKONG...						
17	penggunaan pelbagai pendekatan P&P	1	2	3	4	5
18	perubahan-perubahan dalam strategi pengajaran	1	2	3	4	5
19	penyediaan sumber yang boleh menyokong perkembangan guru	1	2	3	4	5
20	penyediaan sumber yang boleh meningkatkan pengajaran di dalam bilik darjah	1	2	3	4	5
PENGETUA MEMBINA BUDAYA...						
21	pembelajaran seumur hidup	1	2	3	4	5
22	bekerjasama	1	2	3	4	5
23	membuat penyelidikan tentang P&P	1	2	3	4	5
24	mencuba kaedah baru P&P	1	2	3	4	5
25	membuat refleksi tentang P&P	1	2	3	4	5
PENGETUA MENJALANKAN KAJIAN UNTUK...						
26	dijadikan panduan kepada program perkembangan staf	1	2	3	4	5
27	mengetahui keperluan guru	1	2	3	4	5
28	mengetahui latar belakang pendidikan guru	1	2	3	4	5
29	membuat keputusan mengenai perancangan dalam perkhidmatan	1	2	3	4	5
30	memberi latihan mengenai pengumpulan dan analisis data	1	2	3	4	5

Bahagian III :

Pernyataan di bahagian ini bertujuan memahami hal-hal yang menimbulkan masalah kepada guru. Sila bulatkan nombor yang menerangkan tahap keyakinan anda untuk setiap pernyataan.

5 menggambarkan 'Berkeyakinan Tinggi'

4 menggambarkan 'Berkeyakinan Sederhana'

3 menggambarkan 'Agak Berkeyakinan'

2 menggambarkan 'Berkeyakinan Sedikit'

1 menggambarkan 'Tidak Berkeyakinan'

		Tidak Berkeyakinan Berkeyakinan Tinggi				
	SEJAUHMANAKAH ANDA BOLEH ...					
1	mengawal tingkah laku yang mengganggu di dalam bilik darjah?	1	2	3	4	5
2	memotivasikan pelajar yang kurang berminat dalam pembelajaran?	1	2	3	4	5
3	menyakinkan pelajar yang mereka boleh berjaya dalam pembelajaran?	1	2	3	4	5
4	membantu pelajar memahami kepentingan pembelajaran?	1	2	3	4	5
5	menggubal soalan yang baik untuk pelajar?	1	2	3	4	5
6	membuat pelajar patuh kepada peraturan bilik darjah?	1	2	3	4	5
7	mententeramkan pelajar yang bising atau mengganggu?	1	2	3	4	5
8	melaksanakan sistem pengurusan bilik darjah dengan setiap kumpulan pelajar?	1	2	3	4	5
9	menggunakan pelbagai strategi penilaian?	1	2	3	4	5
10	menyediakan penerangan atau contoh alternatif apabila pelajar keliru?	1	2	3	4	5
11	menolong ibu bapa pelajar untuk membantu anak-anak mereka berjaya di sekolah?	1	2	3	4	5
12	melaksanakan strategi alternatif di dalam bilik darjah?	1	2	3	4	5

Lampiran 2

Taburan item mengikut faktor

Konstruk	Item	Bil item	Faktor
Tingkah laku pemimpin menggalakkan perkembangan profesionalism a guru	26,27,28,29,30	5	Tingkah laku pemimpin menjalankan kajian
	17,18,19,20,21,22,23,24,25	9	Tingkah laku pemimpin menggalakkan kepelbagaian pendekatan PdP
	4,5,6,7,8,9	6	Tingkah laku pemimpin menyokong kolaboratif
	1,2,3	3	Tingkah laku pemimpin menyediakan peluang perkembangan staf
	13,14,15,16	4	Tingkah laku pemimpin memupuk budaya bimbingan dalam kalangan guru
	10, 11,12	3	Tingkah laku pemimpin menggalakkan kerja pasukan
Efikasi guru	1,6,7,8	4	Pengurusan bilik darjah
	5,9,10,11,12	5	Strategi instruksional
	2,3,4	3	Menarik minat pelajar